



JKR 20602-0055-19



Buletin CKIP

Bil. 1 / 2019

Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan



MENARIK DI DALAM

Lawatan Timbalan Menteri Kerja
Raya Malaysia Ke CKIP

Pakar Rujuk JKR CKIP &
Pengiktirafan Profesional

Anugerah Tokoh Cawangan CKIP

Dari Meja Pengarah



Bismillahir-Rahmannir-Rahim
Selawat dan Salam Ke Atas Nabi Muhammad SAW.
Assalamualaikum Warahmatullahi-wabarakatuh,

Pertama-tamanya marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya dan rahmatNya kita berupaya melalui Tahun 2018 dan memasuki Tahun Baru 2019. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Sidang Redaksi yang terlibat menjayakan penerbitan Buletin edisi 1/2019 dengan jayanya.

Tidak lupa juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) yang sentiasa berusaha dengan gigih didalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun lalu. Diharapkan setiap kakitangan CKIP dapat membuat tekad dengan niat yang ikhlas untuk bekerja dengan lebih keras lagi untuk tahun baru 2019 agar segala tugas yang dipikul dapat dilunaskan dengan sempurna. Setiap tugas yang dilaksanakan hendaklah secara berpasukan dengan penuh beriltizam demi mencapai hasrat kerajaan mencapai status negara maju menjelang 2020.

Semoga segala niat suci kita semua mendapat perkenan Allah SWT dan diberi hidayah disepanjang tahun 2019. Adalah menjadi harapan saya juga, semoga segala sumbangan dan sokongan padu semua dalam menjayakan setiap tugas akan menjadi kenyataan dan seterusnya membuahkan hasil yang dirancang. Akhir kata saya doakan segala usaha digembleng mendapat keredhaan dan diberi balasan terbaik disisi Allah SWT, InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

Ir. Mohamed Amin bin Kasim
Pengarah
Caw. Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan

SIDANG REDAKSI



Ir. Mohamed Amin
Bin Kasim
Penasihat



Ir. Siti Nurulhuda
Binti Amirrudin
Ketua Editor



Mohd Idzwan
Bin Razali
Editor



Mohd Fariz Bin
Che Mud
Penolong Editor

WAKIL BAHAGIAN

Bahagian Ukur Tanah

Sr Noor Helmy Bin Noordin
Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Maritim

Ir. Wong Thian Chiun
Jurutera Awam

Bahagian DDT

Aufazikri Bin Ahmad Bazain
Jurutera Awam

Bahagian PMO

Munirah Binti Murad
Jurutera Awam

Bahagian Pangkalan Udara

Nabihah Hannan Binti Mohd Noor Shah
Jurutera Awam

Bahagian Mekanikal

Hamza Bin Abu Husin
Penolong Jurutera Mekanikal

Bahagian Arkitek

Muhamad Haidar Bin Ahmad Zaini
Arkitek

Bahagian Elektrik

Khairul Azhar Bin Abdul Hamid
Penolong Jurutera Elektrik

Bahagian Ukur Bahan

Noorhidayah Binti Baharum
Penolong Juruukur Bahan

Bahagian Darat

Nur Syafiqah Binti Ahmad Jamal
Penolong Jurutera Awam

ISI KANDUNGAN

Pergerakan Pegawai CKIP	1	Penganugerahan dan Pentauliahan	7
Integriti	21		
Pelan Anti Rasuah	22	JPEDIA & JCOP	24
		Sudut AKRAB	23

Perkembangan Semasa

Lawatan Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia ke CKIP	4	Persaraan Ketua Bahagian Darat	5	Majlis Persaraan KPPK Bahagian Ukur Tanah	6
Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Kompleks Pendaratan Ikan dan Benteng Pemecah Ombak di Kawasan Punggai, Pengerang, Kota Tinggi, Johor	12	Hari Bertemu Pelanggan CKIP	11	Majlis Penghargaan Pementoran 2018 dan Majlis Pemadanan Pementoran 2019	10

Peristiwa & Aktiviti


Bengkel Pemurnian Pelan Bisnes CKIP	13	17	Bengkel Pemurnian ERM CKIP
Program Pelaksanaan Pembudayaan Ilmu di CKIP	14	18	Pemeriksaan Pelupusan Aset Unit Ukur Tanah Wilayah Timur CKIP
Taklimat "Route to PE"	15	19	Gotong-royong EKSA CKIP Blok F
Bengkel Sistem Pengurusan Aset CKIP	16	20	Perlawanan Persahabatan Bola Sepak KESUKIP FC vs Pintas Utama

PERGERAKAN MASUK PEGAWAI



**MUHAMAD HAFIZUDDIN
BIN HASHIM**

Penolong Jurutera (Awam), Gred JA29
Bahagian Maritim
19.11.2018



**NUR ARIFFAH ZAIMAH
BINTI MOHD NOR**

Jurutera Awam Gred J41
Bahagian Maritim
23.11.2018



RASHIDAH BINTI HUSIN

Jurutera Awam Gred J41
Bahagian Darat
23.11.2018



ZAINUDDIN BIN ABD AZIZ

Penolong Pegawai Senibina Gred JA36
Bahagian Arkitek
30.11.2018



**NOOR HAFIZA BINTI
NORDIN**

Jurutera Awam Gred J41
Bahagian Darat
24.12.2018



**Ir. ROSLINA BT
ABDUL RAHMAN**

Jurutera Awam Penguasa Kanan Gred J54
Bahagian Darat
16.01.2019

Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan

PERGERAKAN KELUAR PEGAWAI



**NOORNADIA ZHARIF
BINTI MOHD SALIM**

Jurutera Gred J41
Bertukar ke Cawangan Jalan
18.01.2019



**NOMIZAHAYU BINTI
KASIM**

Penolong Jurutera Elektrik J29
Bertukar ke JKR Selangor
1.11.2018



**MOHD ALLIF ASMAWI BIN
IBRAHIM**

Pembantu Awam H11
Bertukar ke Kem Tentera JKR Negeri Johor
1.03.2019

PEGAWAI BERSARA



AZMAN BIN HATHAMAN

Pembantu Awam H11
Tarikh Mula Berkhidmat: 01.06.1991
Tarikh Bersara: 01.02.2019



Ir. IHSAN @ HASNI BIN ATAN

Jurutera Awam Penguasa Kanan J54
Tarikh Mula Berkhidmat: 07.09.1984
Tarikh Bersara: 02.02.2019



RAHIM BIN HJ. MOHAMAD SALEH

Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK)
Ukur Tanah
Tarikh Mula Berkhidmat: 01.03.1984
Tarikh Bersara: 15.02.2019



AZMI BIN ISMAIL


Pemandu Kenderaan H11
Tarikh Mula Berkhidmat: 16.09.2002
Tarikh Bersara: 25.05.2019

LAWATAN TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA, YB. TUAN MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR KE CKIP

TARIKH : 16 Januari 2019

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia.


Satu lawatan Ramah Mesra bersama staf CKIP oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Anuar Bin Mohd Tahir telah berlangsung pada 16 Januari 2019, bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Sesi lawatan bermula dengan taklimat oleh Pengarah CKIP, Ir. Mohamed Amin Bin Kasim berkenaan dengan latar belakang CKIP serta projek-projek yang di laksanakan oleh CKIP. Seterusnya program diteruskan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Anuar Bin Mohd Tahir melawat ke setiap Bahagian di CKIP.



MAJLIS PERSARAAN KETUA BAHAGIAN DARAT, Ir. IHSAN @ HASNI BIN ATAN

TARIKH : 31 Disember 2018
TEMPAT : Bahagian Darat

Persaraan Ketua Bahagian Darat CKIP, Ir. Ihsan @ Hasni Bin Atan yang telah berkhidmat selama hampir 35 tahun di dalam Perkhidmatan Awam. Sepanjang perkhidmatan beliau, beliau pernah dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2007.



BIODATA RINGKAS KETUA BAHAGIAN DARAT

Nama
Ir. Ihsan @ Hasni Bin Atan

Tarikh Lahir
2 Januari 1959

Tempat Lahir
Johor Bahru

Tempoh Perkhidmatan
7 September 1984 - 2 Januari 2019

Pendidikan Tertinggi
1983 - Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Plymouth Poly).

2000- Ijazah Sarjana Kejuruteraan Struktur, UTM Skudai.

Anugerah Perkhidmatan
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007

MAJLIS PERSARAAN KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN BAHAGIAN UKUR TANAH, EN RAHIM BIN HJ MOHAMAD SALEH

TARIKH : 14 Januari 2019

TEMPAT : Unit Ukur Tanah Wilayah Timur CKIP, Kuantan

Majlis diadakan bagi meraikan persaraan Ketua Bahagian Ukur Tanah CKIP, En. Rahim bin Hj. Mohamad Saleh yang telah berkhidmat selama hampir 35 tahun di dalam Perkhidmatan Awam. Cenderahati persaraan telah disampaikan oleh Sr Noor Helmy Bin Noordin, Juruukur Kanan Bahagian Ukur Tanah CKIP.



BIODATA RINGKAS KPPK BAHAGIAN UKUR TANAH

Nama

Hj. Rahim Bin Hj. Mohamad Saleh

Tarikh Lahir

16 Februari 1959

Tempat Lahir

Selangor

Tempoh Perkhidmatan

1 Mac 1984 - 15 Februari 2019

Pendidikan Tertinggi

1983 - Ijazah Sarjana Muda Ukur Tanah, UTM Skudai.

2009 - Ijazah Sarjana Land Development UTM, Undang-Undang Tanah.

Anugerah Perkhidmatan

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007



PAKAR RUJUK CAWANGAN



Ir. SUKHAIMI BIN MAROB

JURUTERA AWAM PENGUASA
BAHAGIAN DARAT

PENTAULIAHAN PROFESIONAL


**Ir. MUHAMMAD KHAZANI BIN ABD
RAHMAN**

JURUTERA AWAM PENGUASA KANAN
BAHAGIAN PANGKALAN UDARA

Tarikh: 03 Disember 2018



STATUS BILANGAN PEGAWAI PROFESIONAL CKIP



ANUGERAH TOKOH CKIP JULAI - DISEMBER 2018



MOHD AFIZUL BIN MD DAROM
KATEGORI GRED 41-44
BAHAGIAN KORPORAT



HARUN BIN HJ JONED
KATEGORI GRED 17-40
BAHAGIAN ELEKTRIK



KHAIRUL AZWAN BIN KHAIRUDDIN
KATEGORI GRED 11 - 17
BAHAGIAN KORPORAT

MAJLIS PENGHARGAAN PEMENTORAN 2018 DAN MAJLIS PEMADANAN PEMENTORAN 2019 PERINGKAT JKR

TARIKH : 19 & 20 Mac 2019
TEMPAT : Dewan Perdana, Kementerian Perdagangan dan Industri MITI


Majlis Penghargaan Pementoran 2018 peringkat JKR telah berlangsung pada 19 - 20 Mac 2019 di Dewan Perdana, Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI). Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan telah berjaya memenangi tempat kedua dalam Program Pementoran pada tahun 2018.

Penyelaras Mentor CKIP 2018 : Ir. Siti Nurulhuda Amirrudin
Mentor : En. Abu Bakar Bin Ishak
Menti : Ir. Haizman Hakim bin Abdullah

Pasukan Pementoran CKIP 2019:
Penyelaras Mentor CKIP 2019 : En. Mohd Afizul Md. Darom
Mentor : Pn. Helya Abdul Aziz & En. Mohd Adam bin Abdullah
Menti : Cik Munirah Binti Murad & En. Mohd Idzwan Razali.



Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan



HARI BERTEMU PELANGGAN CKIP

TARIKH : 15 November 2018

TEMPAT : Bilik Kuarza, Blok G, Ibu Pejabat JKR

Program ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas dan pandangan pegawai-pegawai daripada Jabatan Pelanggan yang terlibat secara langsung dalam perkhidmatan projek yang di laksanakan oleh CKIP. Program ini dipengerusikan oleh Ir. Mohamed Amin Bin Kasim, Pengarah CKIP.

Senarai Pelanggan yang hadir:

- 1) En. Khairul Abidin Hashim (Jurutera Awam – J41) - Jabatan Taman Laut Malaysa (JTLM)
- 2) Pn. Ruzana Muhamad (Jurutera J44) - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- 3) Kdr. Mohd Amin Hj Md Ab Wahab TLDM - Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- 4) En. Azrizal bin Hamli (Ketua Penolong Pengarah - J48) - Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- 5) En. Amirul Asyraf bin Ismail (Pegawai Tadbir Diplomatik- M48) - Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM)
- 6) En. Syed Muhammad Fadzil bin Syed Jaafar (Jurutera – J41) - Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM)




MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS Pendaratan Ikan dan Benteng Pemecah Ombak di Kawasan Punggai, Pengerang, Kota Tinggi, JOHOR

TARIKH : 28 Januari 2019

TEMPAT : Kompleks Perikanan LKIM Pengerang Johor

Majlis penyerahan Projek Pembinaan Kompleks Pendaratan Ikan dan Benteng Pemecah Ombak di Kawasan Punggai, Pengerang, Kota Tinggi, Johor telah diadakan pada 28 Januari 2019 pada jam 11.00 pagi bertempat di Kompleks Perikanan LKIM Pengerang Johor.

Penyerahan projek ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Sri Ir. Hj. Nor Asiah binti Othman, Pengarah Pembinaan Pasukan Projek Khas PIPC selaku Pegawai Penguasa Projek kepada YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed dan Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA).



BENGKEL PEMURNIAN PELAN BISNES CKIP

TARIKH : 25 - 26 Mac 2019

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama CKIP, Blok F, Ibu Pejabat JKR

Bengkel Pemurnian Pelan Bisnes Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) bagi Tahun 2019-2020 telah diadakan bermula 25 - 26 Mac 2019. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Pengarah CKIP, Ir. Mohamed Amin bin Kasim. Fasilitator- fasilitator daripada Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) diketuai oleh Dr. Marina binti Musa telah dijemput bagi memberi tunjuk ajar dan membantu kakitangan CKIP dalam menyempurnakan penyediaan Pelan Bisnes tersebut.



PROGRAM PELAKSANAAN PEMBUDAYAAN ILMU DI CKIP

TARIKH : 10 April 2019
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 5, Blok F, Ibu Pejabat JKR

Satu sesi perkongsian ilmu telah diadakan pada 10 April 2019 di Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 5, Blok F Ibu Pejabat JKR Malaysia. Program "Program Pemantauan dan Pelaksanaan Pembudayaan Ilmu di CKIP Bil. 1/2019" ini dihadiri oleh kira-kira 50 orang pegawai di CKIP termasuk daripada Unit Ukur Tanah Wilayah Timur dan Unit Ukur Tanah Wilayah Utara.

Pelbagai aturcara dimuatkan dalam program ini termasuklah Program Perkongsian Ilmu daripada Bahagian Korporat (Pengenalan JPedia dan JCop Cafe & Pengurusan Tuntutan Perjalanan), Bahagian PMO (Pelan Strategik & Pelan Bisnes) dan Taklimat Program Perlindungan Kemalangan Diri Penjawat Awam (Cuepacscare).

- PENCERAMAH :
- 1) En. Afizul Bin Md. Darom

- Pengenalan JPedia & JCop Cafe
- 2) En. Kamarul Ariffin Bin Ibrahim

- Pengurusan Tuntutan Perjalanan
- 3) Cik. Munirah Binti Murad

- Pelan Strategik & Pelan Bisnes
- 4) Pn. Shariffah Mazeau

- Cuepacscare



Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan

TAKLIMAT "ROUTE TO PROFESIONAL ENGINEER (PE)"

TARIKH : 19 April 2019

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 8, Blok F Ibu Pejabat JKR

Program "Taklimat "Route to Profesional Engineer (PE) dan Perkongsian Pengalaman Pentauliah PE oleh Jurutera CKIP" ini dihadiri oleh Jurutera Awam Gred J41 dan J44 di CKIP untuk mendedahkan kepada pegawai tentang panduan mendapatkan pentauliah Jurutera Profesional (PE) di samping perkongsian pengalaman Jurutera Awam bertauliah dalam mendapatkan pentauliah ini.

Taklimat disampaikan oleh Cik Munirah Binti Murad, Jurutera Awam daripada Bahagian Pengurusan Portfolio (PMO) CKIP. Di samping itu, diadakan juga perkongsian pengalaman oleh dua orang Jurutera yang telah mendapat pentauliah Jurutera Profesional iaitu:

- i) Ir. Muhammad Khazani Bin Abd Rahman daripada Bahagian Pangkalan Udara
- ii) Ir. Mohd Eizzuddin bin Mahyeddin daripada Bahagian Maritim.



BENGKEL SISTEM PENGURUSAN ASET CKIP

TARIKH : 11 April 2019

TEMPAT : Makmal Komputer BTM, Tingkat 14 Blok F, Ibu Pejabat JKR

Bengkel Sistem Pengurusan Aset (SPA) telah di adakan pada 11 April 2019 bertempat di makmal Komputer BTM , Tingkat 14, Blok F. Program Bengkel ini bertujuan bagi memberi taklimat mengenai Tatacara Pengurusan Aset Alih termasuk Tatacara Pemeriksaan Aset Alih serta Tatacara Pelupusan Aset alih Cawangan. Bengkel ini telah dihadiri oleh Pendaftar Aset dan Pegawai Penerima Aset CKIP daripada semua Bahagian.

Bengkel ini dibahagikan kepada dua sesi. Pada sesi pertama, peserta diberikan taklimat berkenaan Tatacara Pengurusan Aset mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh Kementerian Kewangan (MoF). Pada sesi kedua pula diadakan 'Hands-on' penggunaan Sistem Pengurusan Aset (SPA) bagi tujuan pendaftaran dan pemeriksaan Aset Alih di bahagian masing-masing.

Senarai Penceramah:

- 1) En. Mohd Idzwan Bin Razali - Pembantu Pegawai Aset
- 2) En. Wan Ahmad Faiz Faizal Bin Wan Fikri - Pembantu Pegawai Aset




PROGRAM BENGKEL PEMURNIAN STATUS DAFTAR RISIKO (ERM) CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN (CKIP) BAGI TAHUN 2019-2020

TARIKH : 30 April 2019

TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama CKIP, Blok F Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Bengkel Pemurnian Status ERM telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Portfolio (PMO) CKIP pada 30 April 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama CKIP, Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Sesi taklimat bagi bengkel ini telah disampaikan oleh fasilitator jemputan Pn. Hasnita binti Ahmad dari Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK).



PEMERIKSAAN PELUPUSAN ASET UNIT UKUR TANAH WILAYAH TIMUR, KUANTAN OLEH LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN ASET CKIP

TARIKH : 14 Januari 2019

TEMPAT : Unit Ukur Tanah Wilayah Timur CKIP, Kuantan

Pemeriksaan pelupusan aset dilakukan bertujuan untuk memeriksa keadaan aset alih yang ingin dilupuskan oleh Unit Ukur Tanah seterusnya membuat pengesyoran tindakan pelupusan aset tersebut. Pemeriksaan dilakukan oleh Lembaga Pemeriksa Aset Cawangan yang dilantik bagi melaksanakan tugas tersebut.

LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN ASET CKIP



Ir. Lee Sheau Feng



Kerja-kerja pemeriksaan sedang dijalankan



Ir. Mohd Haizman
Hakim Bin Abdullah



Md. Khairull Nizam
bin Kamisan



GOTONG - ROYONG EKSA CKIP BLOK F

TARIKH : 12, 19 & 26 April 2019
TEMPAT : CKIP Blok F

Aktiviti gotong- royong CKIP Blok F telah diadakan sebagai memenuhi pelaksanaan perancangan EKSA bagi Premis Blok F untuk tahun 2019. Sesi gotong -royong diadakan di setiap Zon seperti tarikh berikut:

Zon	Tarikh
Tingkat 3 (Bahagian Korporat, PMO, Elektrik & Mekanikal)	12 April 2019
Tingkat 7 (Bahagian Maritim & Arkitek)	19 April 2019
Tingkat 8 (Bahagian Korporat (Pentadbiran), Ukur Bahan & Pangkalan Udara)	26 April 2019

SEBELUM

SELEPAS



AKTIVITI GOTONG-ROYONG



PERLAWANAN PERSAHABATAN KESUKIP FC VS PINTAS UTAMA

TARIKH : 16 Mac 2019
TEMPAT : Stadium Panasonic, Shah Alam

Perlawanan persahabatan bola sepak antara pasukan KESUKIP FC menentang Pintas Utama telah berlangsung di Stadium Panasonic, Shah Alam Selangor pada 16 Mac 2019. Perlawanan persahabatan ini turut di hadiri oleh Yang Di-Pertua KESUKIP, Ir. Mohamed Amin Bin Kasim. Perlawanan berkesudahan KESUKIP FC (3) - Pintas Utama (0).



TAHNNIAH KESUKIP



INTEGRITI

APA ITU INTEGRITI?

Integriti sebenarnya berasal dari istilah bahasa Inggeris yang membawa erti keutuhan dari semua segi yang baik. Dalam bahasa Melayu, ia biasanya menjurus kearah perwatakan seseorang. Maksud integriti mengikut Kamus Dwibahasa DBP, 1985, ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan.

Dari maksud yang didapati dari Kamus di atas, integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakupnya,



PERDANA MENTERI LANCAR PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023

PUTRAJAYA, 29 Jan. – Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023, salah satu inisiatif kerajaan dalam merealisasikan visi kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti.

Bertemakan 'Memecah Rantaian Rasuah', NACP yang dibangunkan khusus untuk dilaksanakan dalam lima tahun. Pelaksanaan pelan ini dibangunkan oleh Pusat Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain.

Pelan khusus ini dibangunkan bagi menetapkan praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diamalkan oleh agensi kerajaan dan swasta dalam menangani rasuah, integriti serta tadbir urus untuk tempoh akan datang.

Tun Dr Mahathir berkata pelan itu disediakan sebagai proses yang mengambil kira aspirasi dan harapan rakyat Malaysia dalam perjalanan memerangi rasuah.

"Pelan anti rasuah nasional itu hadir sebagai amaran kepada semua pemimpin sekiranya menghadapi bahawa Malaysia dan rakyatnya tidak akan amalan rasuah dan ia satu amalan keji dan malaru.

"Pelan itu adalah satu bukti bahawa tindakan tegas terhadap perasuah-perasuah yang lepas, bertindak berlandaskan dendam atau benci, "ujar Perdana Menteri.

NACP dibangunkan bagi menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (PAN) dan ia diputuskan dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah pada 8 Jun lalu yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Idris Jassin; Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Wan Ismail; Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC), Tan Sri Mohamed; Ketua Pesuruhjaya SPRM, Dato' Sri Abdul, barisan menteri kabinet, menteri-menteri kabinet.

LAYARI GALERI GAMBAR MAJLIS DI <https://bit.ly/ZSc6613>



MEMECAH RANTAIAN RASUAH

"Komitmen Kerajaan adalah untuk mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah"

Tun Dr Mahathir bin Mohamad
Perdana Menteri Malaysia



ADAKAH PENJAWAT AWAM BOLEH MENERIMA SEBARANG HADIAH PADA MUSIM PERAYAAN?

[SURAT PERINGATAN KPKR RUJUKAN JKR-KPKR : 121.010/05 Jld. 2 (20) : PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM]

[SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 3 TAHUN 1998]



PEGAWAI AWAM ADALAH **DILARANG** SAMA SEKALI UNTUK MENERIMA SEBARANG BENTUK HADIAH DARIPADA PIHAK YANG MEMPUNYAI SEBARANG HUBUNGAN RASMI



NO Gift Policy

TAHUKAH ANDA ?
HADIAH BOLEH MENJADI RASUAH !

BAHAGIAN INTEGRITI, CDPK
No. Tel : 03 2618 8615/8724/8739
No. Fax : 03 2618 8708
Email : integriti.jkr@1govuc.gov.my
Rakan Integriti KKR

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023

- Pelan khusus itu dibangunkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain.
- Pelan ini dibuat berdasarkan 22 strategi yang akan diberi keutamaan bagi enam sektor utama di mana ia mengandungi 115 inisiatif anti rasuah merangkumi enam sektor iaitu politik, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, pentadbiran sektor awam, perundangan dan kehakiman serta tadbir urus korporat

PELAN ANTI RASUAH NASIONAL (NACP)

Ruang Lingkup Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

Perkataan “rasuah” berasal daripada bahasa Latin ‘corruptus’ (rosak) dan ‘corrumpere’ (merosak dan berpecah menjadi kepingan kecil). Menjelang pertengahan abad ke-14, corruption atau corrupcion merujuk kepada pereputan fizikal badan dan pencemaran jiwa serta keadaan moral dan rohani. Daripada segi hubungan manusia-Tuhan dan manusia-manusia, rasuah atau fasad bermaksud segala keburukan dan ketidakadilan, pemberontakan terhadap perjanjian dengan Tuhan dan menindas orang lain, sehingga gagal mengakui hak Tuhan, manusia dan ciptaan lain.

EPISOD
PENCEGAHAN
RASUAH DI MALAYSIA

2004
Pelan Integriti Nasional (PIN)

2010
Program Transformasi
Kerajaan (GTP) 1.0

2012
Program Transformasi
Kerajaan (GTP) 2.0

2019-2023
Pelan Antirasuah
Nasional (NACP)

Antara tahun 2005 hingga 2014, Malaysia telah kehilangan **RM1.8 trillion** menerusi aliran kewangan tidak sah yang mana sebahagian daripadanya berpunca daripada amalan rasuah.


SUMBER: Global Financial Integrity Report 2017

SEKTOR YANG PALING TERDEDAH KEPADA RASUAH


63.30%
Aduan rasuah diterima melibatkan
Sektor awam

SUMBER : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Pegawai yang paling terlibat dengan rasuah berdasarkan peratusan responden



Pernahkah anda memberi rasuah kepada pegawai** dalam tahun kebelakang ini?



* termasuk pegawai di Pejabat Perdana Menteri
** enam bentuk perkhidmatan: sekolah awam, hospital, Jabatan pendaftaran & imigresen, perkhidmatan utiliti, polis dan mahkamah


A.K.R.A.B CKIP

MARI KENALI AHLI AKRAB CKIP


AKRAB Bermaksud...

Ahli AKRAB CKIP...

A MANAH
K OMITED
R ASIONAL
A KHLAK
B ESTARI



Ir. Lee Sheau Feng
 Bahagian Pangkalan
 Udara
 03 2610 7230



Norliza Bt Kamaludin
 Bahagian Maritim
 03 2610 7474



**Ridza Hafizuddin Bin
 Ab Majid**
 Bahagian PMO
 03 2610 7827



**Siti Wahida Bt
 Sulaiman**
 Bahagian Korporat
 03 2610 7476

MOTTO AKRAB

AKRAB Cemerlang,
 Perkhidmatan Awam
 Terbilang

OBJEKTIF AKRAB

Menyediakan perkhidmatan
 membimbing bagi
 membantu rakan sekerja
 bagi meningkatkan potensi
 dan kecemerlangan diri.

VISI AKRAB

Menjadikan AKRAB
 sebagai penggerak
 pembangunan modal
 insan dalam pengurusan
 sumber manusia

MISI AKRAB

- ♥ Melaksanakan aktiviti khidmat membimbing kepada warga organisasi.
- ♥ Membantu pegawai yang memerlukan bantuan dalam menghadapi permasalahan kehidupan.
- ♥ Bertindak sebagai pengantara antara pegawai dengan Pegawai Psikologi dalam membuat saringan kesesuaian masalah.
- ♥ Mewujudkan hubungan baik dengan pihak pengurusan sumber manusia di agensi bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti AKRAB.

JPEDIA DAN JCOP

MENGENALI JPEDIA & JCOP

J-PEDIA



JKR Wikipedia

JPEDIA

JPedia adalah ensiklopedia dalam talian yang terdiri daripada sumber pengetahuan dikumpulkan dan dianjurkan untuk mempromosikan perkongsian pengetahuan dan sokongan pembelajaran berterusan dalam kalangan kakitangan JKR.

JCOP

JCoP bermaksud JKR Communities of Practice. Fungsi JCoP dibangunkan adalah untuk:

- Mengenalpasti, mencipta, menyimpan, berkongsi dan menggunakan pengetahuan
- Mengurangkan lengkung pembelajaran pekerja baru
- Membolehkan pembangunan profesional
- Mengurangkan kerja semula dan mencegah penciptaan roda

□ Sebagai kaedah yang lebih cepat menyelesaikan masalah dan masa tindak balas kepada keperluan & pertanyaan

- Menerapkan amalan-amalan yang baik
- Membina idea baru untuk produk dan perkhidmatan
- Membolehkan pembelajaran dipercepatkan
- Pembelajaran untuk bertindak
- Meningkatkan prestasi organisasi Bersepadu JKR Malaysia.

J-CoP



JKR Communities Of Practice

Portal JCoP telah tersedia di dalam lama sesawang <https://www.jkr.gov.my/> yang berada di bawah tajuk Aplikasi Atas Talian di bawah tanggungjawab unit ECKM (Enterprise Content Knowledge Management) dari Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu (CPAB) JKR Malaysia.



**CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR
PENGANGKUTAN**
**TINGKAT 8, BLOK F, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA, JALAN
SULTAN SALAHUDDIN, 50582 KUALA LUMPUR.**



**TEL+603 2610 7201
FAX +603 2693 5273**

**Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur
Pengangkutan**

KORPORAT

PMO

MARITIM

PANGKALAN UDARA

DARAT

UKUR TANAH

ARKITEK

MEKANIKA

ELEKTRIK

UKUR BAHAN

DDT



**Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur
Pengangkutan**

@ckipjkr